

**KENYATAAN MEDIA****SWM ENVIRONMENT BERSIHKAN LEBIH 150 TAN SISA BANJIR**

200 anggota bertugas, 40 kenderaan berjentera digerakkan

---

**JOHOR BAHRU, 25 MAC** – SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) menerusi Operasi Pembersihan Pasca Banjir yang melibatkan 200 orang anggota dan 40 buah kenderaan berjentera telah membersihkan lebih 150 metrik tan sisa banjir dari kawasan terjejas di sekitar Johor Bahru, Iskandar Puteri dan Kulai sejak 21 Mac lalu. Operasi ini akan diteruskan bergantung kepada faktor cuaca semasa.

Pengurus Besar Korporat, Tuan Haji Mohd Norlisam Mohd Nordin berkata, operasi khas ini dijalankan dengan kerjasama erat daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan SWCorp Negeri Johor. Antara sisa pukal yang banyak dibersihkan termasuk almari, sofa dan tilam dengan sokongan kenderaan berjentera seperti lori *Roll-On Roll-Off* (RORO) dan jentolak (*backhoe*). Tambah beliau, lori *Waterjet* dan *Ultra-Whack* turut digunakan bagi membersihkan lumpur banjir di kawasan terjejas.

Menurut beliau lagi, pihak SWM Environment turut melaksanakan Operasi Bantuan Banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang mula dibuka di kawasan terjejas banjir sejak 21 Mac, dengan menyediakan kemudahan tong sampah beroda (TSB) dan perkhidmatan kutipan sisa pepejal di setiap PPS bagi memastikan kebersihan dan keselesaan mangsa banjir. Pihak SWM Environment juga sentiasa bersedia sedia dan memantau rapat perkembangan banjir di setiap daerah dan kawasan pentadbiran PBT.

Dalam pada itu, pihak SWM Environment bersedia menerima pertanyaan dan permohonan penggantian tong sampah beroda (TSB) yang rosak atau hanyut akibat banjir secara percuma. Setiap pemilik premis yang ingin membuat permohonan boleh berbuat demikian secara dalam talian di laman sesawang [www.swm-environment.com](http://www.swm-environment.com) dengan mengemukakan salinan laporan polis tentang kehilangan TSB akibat banjir.

## **STRATEGI OPERASI HARI RAYA SEPERTI DIRANCANG**

Sementara itu, Strategi Operasi Hari Raya yang diumumkan sebelum ini akan berjalan seperti yang dirancang dari 30 Mac sehingga 5 April. Jadual perkhidmatan kutipan sisa pepejal pada 31 Mac (Isnin) akan diawalkan sehari pada 30 Mac (Ahad) dan kembali kepada jadual biasa pada 1 April.

Oleh itu, orang ramai dinasihatkan untuk merujuk jadual perkhidmatan kutipan sisa pepejal yang dipaparkan pada papan tanda di setiap kawasan perumahan atau secara dalam talian di laman sesawang [www.swm-environment.com](http://www.swm-environment.com) sebagai panduan untuk menguruskan sisa domestik, sisa pukal, sisa kebun dan bahan kitar semula.

Sebarang maklumat terkini mengenai Operasi Bantuan Banjir dan Strategi Operasi Hari Raya boleh dirujuk di laman media sosial rasmi SWM Environment atau menghubungi Talian Indahkan Malaysia 1-800-88-7472 atau Talian WhatsApp SWM di 012-618 0082.

**TAMAT.**



## **FAKTA**

### **MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.**

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman sesawang: [www.swm-environment.com](http://www.swm-environment.com).

Dalam usaha mengurangkan sisa yang dijana oleh masyarakat dihantar dan dilupuskan di tapak pelupusan, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA) berimpak tinggi yang menjurus kepada kelestarian dan pemeliharaan alam sekitar termasuk Pengasingan Sisa Di Punca (SAS), pendigitalan program kitar semula berganjaran dan pengkomposan sisa makanan bagi meningkatkan kesedaran awam ke arah Ekonomi Kitaran (*Circular Economy*).

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjaran iaitu KITAREcycle di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. KITAREcycle bertujuan menggalakkan orang ramai untuk mengasingkan barangan yang boleh dikitar semula seperti kertas, plastik dan tin aluminium dan memperoleh mata ganjaran (RP) yang boleh ditebus kepada tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Apple Store* dan *Google Play Store*. Sila layari laman sesawang: [www.kitarecycle.com](http://www.kitarecycle.com) untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

#### **Cik Livingwater a/p Ponnusamy**

Penolong Pengurus, Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Johor Selatan)

(Tel) 07 - 335 6000 / 016 – 783 6759

(Faks) 07 - 335 6005

(E-mel) [livingwater.ponnusamy@swmsb.com](mailto:livingwater.ponnusamy@swmsb.com)